

PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN IDENTITI SETEMPAT DI KAWASAN PERTANIAN PADI

Kajian kes: Mukim Padang Matsirat, Pulau Langkawi, Kedah Darulaman.

SITI ASMILIN BINTI AHMAD

**JABATAN SENI BINA LANDSKAP,
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
40450 SHAH ALAM,
SELANGOR.**

April 2000

**PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN IDENTITI SETEMPAT DI
KAWASAN PERTANIAN PADI**

Kes Kajian: Mukim Padang Matsirat,
Langkawi, Kedah Darulaman.

Oleh

SITI ASMILIN BINTI AHMAD

Satu disertasi yang disediakan untuk memenuhi
sebahagian dari syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap (Kepujian)

Jabatan Seni Bina Landskap,
Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Shah Alam
Selangor.

April 2000

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI

Syukur alhamdulillah kehadiran Allah S.W.T, kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya, maka kajian ilmiah ini dapat disiapkan bagi memenuhi syarat ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap (Kepujian) yang berlangsung selama tempoh dua tahun, sekalipun terpaksa melalui segala ujian dan rintangan sepanjang pengajian tersebut.

Penghargaan khas dan istimewa ditujukan kepada tenaga pensyarah utama iaitu Profesor Madya Puan Kamariyah Kamsah dan En. Anuar bin Mohd. Noor di atas bimbingan serta pandangan yang bernas di samping rangsangan yang amat berharga berbentuk sokongan moral terhadap penulisan disertasi ini. Juga buat Encik Mohd. Parok bin Mohd. Pauzi, pensyarah sambilan di Jabatan Seni Bina, terima kasih diucapkan atas nasihat serta komen membina yang telah diberikan sepanjang sesi perbincangan kajian ilmiah selama beberapa bulan terakhir pengajian saya ini.

Ucapan jutaan terima kasih juga buat para pegawai Majlis Daerah Langkawi iaitu Puan Norazrinawati Ilyas dan LADA di atas bantuan perolehan data dan maklumat tapak kajian. Terima kasih diucapkan.

Untuk semua sahabat, terima kasih di atas pertanyaan khabar serta sokongan moral yang diberikan; 'tanpa kamu semua, siapalah aku'.

Akhir sekali, sekalung penghargaan yang tidak ternilai buat kedua ayah dan bonda saya, serta adinda, Ana, Ayin dan Sara di atas doa dan sokongan moral. Juga tidak lupa buat tunang tersayang, di atas motivasi serta sumbangan kewangan di sepanjang pengajian saya selama dua tahun ini, tidak terbalas rasanya di atas segala budi ikhlas yang dihulurkan. Semoga kajian disertasi ini menghasilkan kejayaan cemerlang hasil berkat doa kalian semua. Terima Kasih.

(Siti Asmilin binti Ahmad)
UiTM Shah Alam, April 2000.

Langkah ke arah pengekalan dan pemuliharaan identiti setempat kawasan pertanian amat jarang sekali kedengaran dibibit-bibit para perancang persekitaran. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh tekanan proses pembangunan yang kini telah mendahului mendapat tempat di dalam aspek perancangan semasa. Setelah beberapa dekad negara telah merdeka, aktiviti pembangunan sejak akhir-akhir ini telah menimbulkan pelbagai ancaman persekitaran termasuklah pencemaran, migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar, kesesakan dan masalah jenayah di sekitar negara. Akibat daripada tumpuan pada permasalahan bandar, keadaan ini telah menyebabkan kawasan luar bandar terabai dari segi aspek penjagaan, pengekalan dan pemuliharaan sumber terutama sekali dari segi aspek visual setempat. Tiada langkah yang susulan dan efektif diambil untuk menangani serta membawa semula imej perkampungan yang unggul untuk mengawal persekitaran yang kini semakin diambang kepupusan identiti serta karektor setempat yang unik.

Maka hasil daripada keprihatinan terhadap identiti, kajian ilmiah ini merangkumi tumpuan terhadap perbincangan bagaimana mengenengahkan, mempertahankan serta memulihara karektor perkampungan pertanian padi berdasarkan analisis, polisi, cadangan serta garis panduan rekabentuk yang bersesuaian dengan tapak kajian. Untuk mencapai objektif di atas, pengurusan serta pengawalan sumber fizikal dan sosiobudaya memerlukan penglibatan pelbagai pihak seperti pihak pentadbir, badan professional (swasta), orang ramai terutama sekali penduduk sekitar. Penggelembengan dan permuafakatan diperlukan ke arah peningkatan kualiti persekitaran terutama sekali kualiti visual yang sudah tentu memberi pengaruh emosi yang amat berkesan apabila melalui sesebuah kawasan pertanian padi yang mempunyai ciri-ciri keunikan tersendiri berbanding kawasan perkampungan lain. Berdasarkan kepada keunikan identiti inilah, sesuatu tempat perlu dikekalkan untuk hidupan kini dan akan datang sebagai harta warisan yang mampu ditinggalkan oleh kita untuk tatapan generasi seterusnya.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Senarai Foto	ix
Senarai Ilustrasi	xiii
Senarai Gambarajah	xiv
Senarai Lampiran	xiv
Singkatan Perkataan	xv

BAB 1

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	PENGENALAN	2
1.2	KONTEKSTUAL DI MALAYSIA	2
1.3	MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN	5
1.4	PERNYATAAN ISU-ISU SERTA MASALAH BERKAITAN	6
1.5	PERSOALAN YANG TIMBUL	8
1.6	RASIONAL PEMELIHARAAN VISUAL LANDSKAP KAMPUNG DAN LANDSKAP PERTANIAN	9
1.7	PENDEKATAN KAJIAN	9
1.7.1	Buku-buku Kajian Topikal	9
1.7.2	Pengumpulan Maklumat dan Data	10
1.7.3	Kajian Soal Selidik dan Temubual	10
1.7.4	Tinjauan dan Analisa Tapak	11
1.8	SKOP KAJIAN KERJA	11
1.9	PEMILIHAN TAPAK KAJIAN	13
1.10	MANFAAT DAN HARAPAN TERHADAP:	13
1.10.1	Ekologi dan Alam Sekitar	13
1.10.2	Keperluan Masyarakat I nsitu	14
1.10.3	Peningkatan Proses Pemahaman dan Pemikiran	14
1.10.4	Profesion	15

BAB 2. L . f. ULASAN DM * IAN BUKU

2.1	PENGENALAN	16
2.2	LANDSKAP VERNAKULAR	16
2.2.1	Identiti Setempat	18
2.2.2	Aplikasi Teori Tempat	21
2.3	PEMBANGUNAN LANDSKAP PERTANIAN	22
2.3.1	Konsep Nilai Budaya dan Tradisi Masyarakat	22
2.3.2	Susunan Alam	23
2.3.3	Kehidupan Desa	24
2.3.4	Kawasan Pertanian	29
2.3.5	Susunan Sosioekonomi	30
2.3.6	Susunan sosiobudaya	30